

**ANALISIS CABARAN PEGAWAI SULH DALAM MENGENDALIKAN KES  
TUNTUTAN NAFKAH ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH**

**Fathin Shahirah Abd Rahim\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Melaka  
fathin.shahirah@unimel.edu.my

**Mohd Hatim Zuhdi Abd Rahim**

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah  
hatim@esyariah.gov.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 25 October 2023*

*Accepted Date: 25 November 2023*

*Published Date: 26 December 2023*

---

**ABSTRAK**

Terdapat banyak kes berkaitan tuntutan nafkah anak didaftarkan di Mahkamah Syariah dan kadangkala kes ini mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Justeru, kes seperti ini dikendalikan dengan menggunakan kaedah sulh di Mahkamah Syariah sebagai jalan alternatif bagi menyelesaikan pertikaian tuntutan antara pihak yang terlibat sekaligus dapat menjimatkan masa dan kos. Kajian ini membincangkan tentang peruntukan undang-undang dalam kes yang melibatkan tuntutan nafkah anak di Mahkamah Syariah. Selain itu, kajian ini turut mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pegawai sulh dalam mengendalikan kes nafkah anak di Mahkamah Syariah. Metode yang digunakan ialah analisis kandungan yang dikumpul melalui enakmen, peraturan dan kajian kepustakaan. Kajian mendapati bahawa kebanyakan kes berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh serta dapat mencapai matlamat kepada persetujuan bersama. Di samping itu, kajian mendapati antara faktor yang menyebabkan kegagalan kepada kes tuntutan nafkah anak adalah kerana pihak-pihak gagal memberi kerjasama seperti tidak hadir ke mahkamah secara konsisten dan sebagainya.

**Kata Kunci:** Tuntutan nafkah anak, Majlis Sulh, Mahkamah Syariah

## **ANALYZING THE CHALLENGES OF MEDIATOR IN HANDLING CLAIMS REGARDING CHILD MAINTAINENCE IN SHARIA COURT**

### **ABSTRACT**

*There are many cases related to child maintenance claims registered in the Syariah Court and sometimes these cases take a long time to be resolved. Thus, cases like this are handled by using the sulh method in the Syariah Court as an alternative way to resolve claims disputes between the parties involved as well as saving time and costs. This study discusses the provisions of the law in cases involving child support claims in the Syariah Court. In addition, this study also examines the challenges faced by judicial officers in handling child support cases in the Syariah Court. The method used is content analysis collected through enactments, regulations and literature review. The study found that most cases were successfully resolved through the Conciliation Council and were able to reach the goal of mutual agreement. In addition, the study found that one of the factors that cause failure in child support claims cases is because the parties fail to cooperate such as not attending in court consistently and so on.*

**Keywords:** *Child maintenance claim, Majlis Sulh, Syariah Court*

### **PENDAHULUAN**

Anak adalah pemberian Allah SWT kepada suami isteri dan penyeri di dalam sesebuah rumah tangga. Sebagai ibu bapa, tentunya mempunyai tanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Anak mempunyai hak terhadap ibu bapanya. Hak anak bermula dengan nasab yang sah dan dari situ maka lahirlah hak-hak seperti hak nafkah, pendidikan dan sebagainya.

Seorang lelaki atau bapa tidak hanya bertanggungjawab untuk menafkahi anaknya sahaja, malah isteri juga berada di bawah tanggungjawabnya. Para ulama menetapkan nafkah yang wajib diberikan oleh seorang suami kepada isteri dan anak-anaknya ialah makanan termasuklah barang-barang dapur, pakaian, tempat tinggal, alat-alat untuk membersihkan diri dan juga pembantu bagi isteri jika sudah menjadi kebiasaan isteri mempunyai pembantu (bagi suami yang berkemampuan) (Al-Syarbini, 2001).

### **KONSEP NAFKAH ANAK**

Nafkah menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah wang (makanan dan sebagainya) yang diperlukan untuk kehidupan, sara hidup dan perbelanjaan yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya sama ada nafkah zahir mahupun batin (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat).

Nafkah juga ialah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada isteri, anak-anak atau sesiapa yang berada di bawah tanggungannya termasuklah tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, perubatan, keagamaan dan juga pendidikan.

Menurut Syed Sabiq, kepentingan anak-anak harus diambil perhatian kerana anak-anak akan membesar hasil daripada usaha dan tunjuk ajar dari ibu bapanya dan mereka lemah untuk mencari rezeki sendiri. Justeru, bapa wajib memastikan anak-anaknya hidup dengan baik demi menjamin masa hadapan mereka. Kegagalan bapa menjalankan tanggungjawabnya boleh menjejaskan kehidupan anaknya sendiri.

Menurut pandangan jumur, nafkah wajib diberikan kepada anak-anak iaitu anak dari benihnya sendiri (*mubasyarah*), cucu lelaki daripada anak lelaki dan ke bawah (*furu*). Manakala bagi Mazhab Maliki, seorang bapa wajib memberikan nafkah kepada anak-anak yang datang dari benihnya sendiri (*mubasyarah*) sahaja, tidak wajib diberikan kepada cucu lelaki daripada anak lelaki (Shadli, 2012).

Seksyen 61 Akta Undang-undang Keluarga Wilayah Persekutuan telah mentaksirkan kadar nafkah ialah “Pada menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat”.

Seksyen 72(1) Undang-undang Islam Pulau Pinang 1985 (Pindaan Tahun 1993) juga menambah lagi dengan memperuntukkan tentang kewajipan seorang bapa menafkahi anaknya iaitu “Kecuali jika sesuatu perjanjian atau suatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi satu kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya sama ada anak itu berada di bawah jagaannya atau dalam jagaan orang lain sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan yang munasabah berdasarkan kepada kemampuan dan taraf hidup dirinya atau dengan membayar kosnya”. Berdasarkan seksyen ini, jelas memperuntukkan bidang kuasa mahkamah untuk membuat perintah seperti yang dipohon.

Walau bagaimanapun, mahkamah masih tetap akan merujuk kepada Hukum Syarak berkenaan dengan surah al-Talaq, ayat 7:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا  
إِلَّا مَا آتَاهَا سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya: “Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya, dan orang yang terbatas rezekinya, hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak membebani kepada seseorang melainkan (sesuai) dengan apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan setelah kesempitan”.

(Surah al-Talaq: 7)

Begitu juga dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA yang berkata bahawa Hindun berkata yang bermaksud “Wahai Rasulullah, Abu Suffian seorang

yang kedekut, tidak ada baginya saya selamat daripada masuk ke rumah saya”. Kemudian, Baginda menjawab “Ambillah apa yang memadai bagi engkau dan anak engkau yang sepatutnya”. Kedua-dua dalil ini membuktikan tentang kewajipan seorang suami dan bapa untuk memberikan nafkah kepada isteri dan anaknya (Jabatan Kehakiman Syariah negeri Pulau Pinang). Jika bapa tiada, maka tanggungjawab memberikan nafkah akan berpindah mengikut susunan tertib wali (Jabatan Bantuan Guaman).

Berkenaan dengan nilai nafkah pula, ia bergantung kepada kemampuan si bapa, keperluan anak dan juga mengikut keadaan (termasuk umur) anak sama ada anak tersebut belum mumayyiz, belum berkahwin atau hilang keupayaan (Shadli & Mohd Nor, 2012).

Namun begitu, secara umumnya, kadar nafkah tidak ditentukan secara terperinci. Para fuqaha sependapat bahawa nafkah anak ditentukan dengan kadar kecukupan dan kemampuan seorang bapa. Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk mengubah, atau membatalkan sesuatu perintah tentang penjagaan atau nafkah seseorang anak, sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan (Shadli & Mohd Nor, 2012).

Ulama yang bermazhab Syafie berpendapat, nafkah anak yang tidak berbayar adalah hutang sekiranya ia diputuskan oleh mahkamah atau jika bapa enggan dengan sengaja membayar nafkah kepada anaknya. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa tuntutan tunggakan nafkah tidak akan terlaksana kecuali dengan perintah Mahkamah Syariah. Antara perkara yang terkandung dalam perintah tersebut ialah jumlah nafkah yang perlu dibayar oleh bekas suami untuk seorang anak, tarikh bekas suami perlu bayar nafkah anak, kaedah bayaran nafkah anak sama ada secara mendepositkan wang ke dalam akaun bekas isteri atau melalui potongan gaji, jumlah bayaran nafkah bagi perbelanjaan awal persekolahan dan juga jumlah bayaran nafkah untuk persediaan perayaan Aidilfitri (Nurulfatiha, 2022).

Umumnya, perintah nafkah berkuatkuasa sehingga anak tersebut berumur 18 tahun atau sehingga dibenarkan oleh pihak mahkamah. Bagi anak perempuan pula, perintah nafkah berkuatkuasa selagimana dia belum berkahwin (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

Tuntutan nafkah anak berada dibawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah. Tuntutan nafkah anak dikategorikan sebagai kes mal dan semua prosedur yang telah ditetapkan menerusi Akta, Enakmen atau Arahan Amalan yang berkenaan perlu dipatuhi (Zaini, 2019).

Mahkamah boleh pada bila-bila masa untuk memerintahkan seorang bapa untuk membayar nafkah anaknya sekiranya dia enggan atau cuai menyediakan peruntukan nafkah yang munasabah bagi anaknya, atau jika dia telah meninggalkan langsung isterinya dan anaknya di bawah jagaan isterinya, atau ketika dalam masa menanti keputusan sesuatu perbicaraan hal ehwal suami isteri di mahkamah atau apabila membuat suatu perintah meletakkan anak tersebut di bawah jagaan seseorang yang lain (Jabatan Bantuan Guaman).

Kes tuntutan nafkah anak ini diklasifikasikan sebagai kes tuntutan. Oleh itu, ia perlu dimulakan dengan suatu saman yang disertai dengan penyata tuntutan. Setelah tuntutan difailkan, Pendaftar Mahkamah Syariah akan menentukan tarikh bagi sesi sulh. Bermula pada awal tahun 2001, prosedur sulh diperkenalkan secara rasmi sebagai jalan alternatif bagi menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Syariah. Tuntutan nafkah anak adalah contoh kes yang perlu melalui Majlis Sulh dan boleh diselesaikan sekiranya terdapat persetujuan antara pihak-pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, timbul beberapa isu permasalahan yang berkaitan dengan Majlis Sulh ini. Apakah yang dimaksudkan dengan Majlis Sulh? Apakah halangan dan cabaran yang terpaksa dilalui oleh Pegawai Sulh dalam menyelesaikan kes tuntutan tunggakan nafkah anak? Bab seterusnya pengkaji akan menyentuh tentang konsep Majlis Sulh dan juga cabaran yang timbul berkenaan Majlis Sulh ini.

### **KONSEP MAJLIS SULH DAN PERANANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH**

Sulh telah lama digunakan di Mahkamah Syariah sebagai langkah alternatif kepada proses perbicaraan bermula tahun 2002. Hal ini bagi meningkatkan professional dan perkhidmatan institusi Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri dari aspek pengurusan dan penyeliaan kes (Raihanah, 2006).

Sulh dari sudut bahasa ialah usaha untuk menyelesaikan sesuatu perselisihan dan salah faham, mencapai persetujuan antara pihak-pihak yang bertikai dan mewujudkan perdamaian antara kedua-dua belah pihak (Mustofa Al-Khin, 2016). Menurut istilah pula ialah kontrak yang mewujudkan persetujuan dan menghentikan perselisihan. Kaedah sulh telah banyak dinukilkan di dalam Al-Quran dan hadis yang akhirnya membawa sesuatu pertelingkahan ke arah perdamaian (Mohammad Nor Anwar & Nor ‘Adha, 2021).

Firman Allah S.W.T di dalam Surah An-Nisa ayat 114:

﴿ لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نُّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنَ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴾

Maksudnya: “Tidak ada kebaikan dari banyak pembicaraan rahasia mereka, kecuali pembicaraan rahasia dari orang yang menyuruh (orang) bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Barangsiapa berbuat demikian karena mencari keridaan Allah, maka kelak Kami akan memberinya pahala yang besar.”

(Surah al-Nisa’: 114)

Saidina Umar Al-Khattab r.a. juga pernah berkata:

دَوِّ الْخِصْمِ حَتَّى يَصْطَلِحُوا، فَإِنْ فَصَلَ الْقَضَاءُ يورث الضغائن

*Maksudnya: “Suruhlah mereka yang bertelingkahan supaya duduk semeja agar mereka berunding. Jika hakim memutuskannya, mereka akan saling benci-membenci”.*

Perkataan Saidina Umar r.a ini diucapkan di hadapan para sahabat dan tiada siapa pun membantahnya. Oleh kerana itu, para ulama bersetuju dan bersepakat bahawa rundingan sulh dibenarkan oleh hukum syarak.

Menurut seksyen 99 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 memperuntukkan pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut Hukum Syarak. Seksyen 131 akta yang sama menambah lagi bahawa apa-apa penghakiman atas pengakuan atau persetujuan pihak-pihak, termasuklah sulh, boleh direkodkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa. Hal ini membuktikan penyelesaian kes melalui kaedah sulh boleh diterima pakai dan terbukti berkesan (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan).

Majlis Sulh ialah majlis perbincangan bersama di antara pihak-pihak yang terlibat dalam suatu pertikaian. Majlis melibatkan satu atau lebih tuntutan di Mahkamah Syariah dan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh. Sekiranya suatu persetujuan secara damai dapat dicapai secara sukarela antara kedua-dua belah pihak, ia akan direkodkan oleh Hakim sebagai satu perintah Mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan seperti kebiasaannya (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor). Keputusan persetujuan pihak-pihak yang terlibat juga akan diendorskan sebagai perintah mahkamah dengan mudah dan segera tanpa perdebatan di dalam mahkamah (Raihanah, 2006).

Sejak kaedah sulh ini dilaksanakan di Malaysia, banyak kes dapat diselesaikan di luar mahkamah. Hal ini membuktikan keberkesanan kaedah sulh dalam mempercepatkan penyelesaian sesuatu kes di luar mahkamah. Kejayaan penyelesaian kes di luar mahkamah dengan menggunakan sistem sulh terbukti dapat mengurangkan jumlah kes yang perlu dibawa dan dibicarakan di hadapan hakim Mahkamah Syariah sekaligus dapat meminimumkan jumlah kes yang tertunggak atau lambat diselesaikan (Mohd Fuad & Jamilah, 2008).

Kaedah Sulh ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa, bahkan dapat menyelesaikan sesuatu pertikaian secara terbuka dan sukarela, bukannya secara melepaskan dendam (Siti Noraini & Zulkifli, 2008; Mohammad Nor Anwar & Nor ‘Adha, 2021).

Sumber rujukan Majlis Sulh ialah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh), Arahan/Pekeliling YAA Ketua Hakim Syarie, Arahan Amalan JKSM dan Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah. Terdapat 18 jenis tuntutan atau jenis kes sulh di Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri. Kes-kes seperti ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah iaitu ganti rugi pertunangan, muta’ah, harta sepencarian, nafkah isteri, nafkah kepada pihak tak upaya, cagaran nafkah, nafkah iddah, mengubah perintah nafkah, tunggakan nafkah,

nafkah anak, mengubah perintah hak jagaan anak, mengubah perjanjian hak jagaan anak, hadhanah, ganti rugi perkahwinan, hak tempat tinggal, perintah supaya suami tinggal bersama semula, isteri kembali taat dan juga mas kahwin (Hasnizam et.al, 2021).

Objektif utama sulh adalah untuk membantu pihak-pihak menyelesaikan pertikaian mereka melalui perundingan bersama secara damai tanpa perlu hadir ke prosiding perbicaraan di dalam mahkamah supaya kes mereka diselesaikan dengan cepat dan teratur. Hal ini dapat menjimatkan kos, masa dan juga tenaga (Ruzita et.al, 2022). Selain itu, penyelesaian kes melalui kaedah sulh ini juga dapat membantu mahkamah mempercepatkan penyelesaian kes serta mengurangkan kadar kes-kes tertunggak di mahkamah sekaligus dapat menghilangkan kegusaran pelanggan Mahkamah Syariah yang inginkan kes mereka diputuskan segera (Nur Zulfah & Noor Syamimi, 2022). Perundingan yang dijalankan bersifat terpimpin, bukannya menyebelahi mana-mana pihak dengan melihat kepada *masalah* pada masa hadapan, bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain (Wan Azimin et.al, 2022).

Kaedah sulh menarik perhatian masyarakat oleh kerana keunikan konsepnya iaitu kaedah ini menjanjikan penyelesaian pertikaian yang berkonsepkan situasi menang-menang (*win-win situation*) di antara pihak yang bertikai. Kaedah sulh juga mengutamakan elemen kerahsiaan kedua-dua belah pihak dan tidak dapat diperoleh seandainya pertikaian tersebut dibicarakan di dalam mahkamah (Siti Noraini & Zulkifli, 2008). Kaedah sulh berupaya membantu pihak-pihak mengekalkan keharmonian dalam rumahtangga (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah).

Penyelesaian secara sulh mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan proses perbicaraan sebenar. Mekanisme sulh menjadi alternatif kepada proses litigasi dan dapat menamatkan pertikaian tanpa perlu melalui proses perbicaraan yang panjang dan rumit. Selain itu, perundingan secara sulh ini mementingkan aspek kerahsiaan. Sebarang maklumat tidak akan didedahkan kepada pengetahuan masyarakat awam. Kaedah sulh ialah kaedah yang lebih ringkas dan tidak perlu melalui prosedur perbicaraan yang panjang dan memakan kos serta berisiko ditolak sekiranya berlaku kekurangan bukti atau saksi (Wan Azimin & Ahmad Hidayat, 2021).

Sulh juga berperanan mencapai keadilan bagi kedua-dua belah pihak yang bertikai. Kaedah sulh dalam Islam bertujuan mencari titik persetujuan bagi menghentikan pertikaian. Prinsip asas sulh seperti kerahsiaan, peluang sama rata untuk bersuara, kesukarelaan untuk menyatakan pendapat tanpa pengaruh pihak lain dan keseluruhan persetujuan amat dititikberatkan oleh hukum syarak (Wan Azimin & Ahmad Hidayat, 2021).

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JKSNS) antara negeri yang awal menjalankan kaedah sulh ini. Bahkan, apabila negara digemparkan dengan pandemik COVID-19, JKSNS mengambil langkah inisiatif dengan menjalankan kaedah sulh secara atas talian. Hal ini jelas sekali dapat memudahkan urusan pihak-pihak yang terlibat kerana perjumpaan secara fizikal tidak dibenarkan semasa musim pandemik pada ketika itu (Ruzita et.al, 2022).

Tambahan lagi, ketidakhadiran pihak-pihak yang bertikai ke Majlis Sulh mempengaruhi peningkatan kadar kes yang berstatus gagal dan tertangguh yang akhirnya menyebabkan objektif

sulh tidak dapat dicapai. Apabila Majlis Sulh dijalankan secara atas talian, masalah seperti ini dapat dielakkan. Pelaksanaan sulh secara atas talian memberi kemudahan kepada pihak-pihak berkenaan untuk menggunakan perkhidmatan sulh secara persidangan video (Wan Azimin et.al, 2022).

Prosedur sulh secara atas talian berbanding proses sulh yang dijalankan di Kamar Sulh Mahkamah Syariah tidak berubah melainkan perbezaan mod perhubungan. Sesi sulh secara atas talian boleh dijalankan dengan menggunakan medium komunikasi melalui aplikasi yang dipersetujui oleh Pegawai Sulh dan pihak-pihak terbabit seperti *Skype*, *Webex* atau *Zoom* (Ruzita et.al, 2020).

Majlis Sulh boleh dihadiri oleh pihak-pihak itu sendiri atau diwakili oleh peguam masing-masing. Majlis perundingan diatur oleh Pegawai Sulh Mahkamah Syariah dan sebarang penyelesaian yang dicapai oleh kedua-dua belah pihak akan direkodkan di hadapan hakim dan dijadikan suatu perintah yang mengikat. Sekiranya sulh telah dipersetujui, ia bersifat mengikat dan tidak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan dan tidak boleh didengar dakwaan yang menuntut buat kali kedua. Namun begitu, penyelesaian yang dibuat di Majlis Sulh boleh dibawa ke Mahkamah Syariah jika didapati terdapat ketidaktelusan, penipuan dan kesalahan yang mengakibatkan ketidakadilan berlaku kepada mana-mana pihak (Siti Noraini & Zulkifli, 2008).

Pegawai sulh berperanan sebagai perantara dan pemudahcara rundingan serta menggalakkan pihak-pihak untuk kekal fokus kepada penyelesaian dan perancangan masa hadapan yang lebih baik. Di samping itu, pegawai sulh berperanan untuk membantu pihak-pihak mengenalpasti isu yang berlaku seterusnya mencadangkan jalan penyelesaian yang bernas serta memberi hak yang sama rata kepada pihak-pihak yang terlibat. Pegawai sulh juga mestilah menjaga kerahsiaan dan menjadi pendengar yang responsif dengan cara meraikan keputusan yang dibuat oleh pihak-pihak terbabit (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah).

Antara isu yang relevan dan mendesak untuk menggunakan kaedah sulh ialah isu hak *hadhanah* dan nafkah anak. Sekiranya masalah yang berkaitan dengan hak penjagaan dan nafkah anak dapat diselesaikan dengan cepat dan baik, ini dapat memberi manfaat kepada anak-anak itu sendiri dan juga masyarakat amnya. Sekiranya isu ini tidak dapat diselesaikan dengan baik dan cekap, ia bakal membebaskan emosi pasangan yang bercerai dan boleh menimbulkan trauma psikologi kepada anak-anak yang akhirnya akan menjadikan masalah sosial dalam kalangan mereka akan semakin meningkat. Oleh sebab itu, hak-hak selepas perceraian khususnya berkaitan *hadhanah* dan nafkah anak mestilah diuruskan dengan segera dan teratur.

## **CABARAN PEGAWAI SULH DALAM MENGENDALIKAN KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH**

Walaupun perundingan melalui Majlis Sulh mempunyai banyak kelebihan, namun tidak dapat dinafikan perundingan seperti ini mempunyai beberapa cabaran yang akhirnya boleh menyebabkan kegagalan pencapaian objektif Majlis Sulh itu sendiri. Antaranya ialah:



### **i. Ketiadaan Kerjasama Pihak-pihak Terlibat**

Kerjasama dan penglibatan pihak-pihak dalam Majlis Sulh merupakan faktor utama dalam membawa kepada kejayaan atau kegagalan sesuatu kes. Sikap segelintir pihak yang tidak beretika dan tidak cakna telah menyebabkan perjalanan Majlis Sulh terganggu. Contohnya, menurut data statistik yang diperolehi daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah bagi tahun 2020, sebanyak 77 kes yang dilaporkan telah gagal mencapai kata sepakat melalui Majlis Sulh oleh kerana kehadiran pihak-pihak yang tidak konsisten pada tarikh yang telah ditetapkan (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah). Komitmen yang berterusan daripada pihak-pihak menentukan kejayaan proses sulh. Apabila pihak-pihak atau salah satu pihak tidak hadir pada tarikh sebutan yang ditetapkan dalam tempoh 90 hari, maka Majlis Sulh boleh dihentikan dan perbincangan tidak lagi diteruskan pada tarikh yang akan datang. Statistik pada tahun 2020 sehingga tahun 2022 telah merekodkan jumlah ketidakhadiran pihak terlibat adalah sebanyak 132 kes atau 24%. Walaupun hanya 19 % sahaja jumlah kes yang gagal berbanding kes yang berjaya, namun faktor begini sedikit sebanyak memberi kesan kepada keseluruhan Majlis Sulh itu sendiri (Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, 2019).

Terdapat pihak-pihak tidak memberikan komitmen yang baik untuk menunaikan janji yang dibuat di dalam Majlis Sulh dan yang telah diendos oleh pihak mahkamah. Atas beberapa sebab, ada pihak yang sengaja memanjangkan kes dengan membuat tuntutan ubah perintah. Hal ini menyebabkan masa akan menjadi lebih panjang kerana perlu mengulangi proses Majlis Sulh dari awal semula. Ada yang tidak hadir sehingga menyebabkan kes tersebut perlu melalui prosiding di mahkamah serta memakan masa yang panjang dan kos yang tinggi (Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, 2019).

Segelintir pihak turut mengambil jalan ingkar perintah mahkamah, sehingga menyebabkan pihak satu lagi perlu memohon pelaksanaan penguatkuasaan perintah yang baru sekaligus menambahkan lagi tempoh masa penyelesaian kes tersebut (Biro Sokongan Keluarga, 2019). Keengganan dan kegagalan pihak-pihak mematuhi keputusan Majlis Sulh yang telah disahkan di mahkamah menyebabkan perdamaian tidak dapat dilakukan dan mengecewakan pihak yang terlibat. Senario seperti ini menimbulkan pelbagai persoalan mengenai keberkesanan pelaksanaan Majlis Sulh (Ruzita et.al, 2020).

Antara faktor kehadiran pihak-pihak terlibat kurang memuaskan adalah kerana mereka kurang kesedaran tentang kebaikan penyelesaian kes melalui Majlis Sulh. Ketidakhadiran pihak defendan telah mengakibatkan proses sulh tidak dapat dijalankan kerana kedua-dua belah pihak perlu hadir bagi membolehkan perbincangan dijalankan. Kegagalan mereka untuk hadir ke Majlis Sulh memberi kesan yang besar terhadap tempoh penyelesaian kes seterusnya menggagalkan proses sulh itu sendiri (Ruzita et.al, 2020; Mohd Hazwan & Jasni, 2022).

Kehadiran pihak-pihak dalam Majlis Sulh adalah faktor utama kejayaan sesuatu perjanjian persetujuan dapat dicapai selain peranan pegawai sulh itu sendiri dalam menguruskan jadual pertemuan sulh dan mengawal emosi pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu pertikaian. Hal ini kerana bermula dari tahun 2020 sehingga 2022, tahun ini dikenali sebagai tahun pemulihan

khususnya dari sudut emosi dan kewangan pihak-pihak terlibat yang turut terkesan akibat daripada impak pelaksanaan PKP yang memberi kesan panjang sehingga akhirnya memberi implikasi kepada proses tuntutan nafkah anak di mahkamah syariah (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah).

Terdapat sebahagian pihak-pihak tidak dapat menghadirkan diri pada pertemuan kali pertama disebabkan larangan rentas negeri yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, faktor kawasan berada dalam zon PKPD, salah seorang pihak merupakan petugas barisan hadapan (*frontliner*), salah satu pihak berada dalam tahanan dan pihak-pihak ingin mendapatkan nasihat dari peguam sebelum bersetuju atas terma perjanjian di dalam Majlis Sulh (Jabatan Kehakiman Negeri Kedah).

Menurut pendapat pengkaji, cabaran pihak-pihak yang berada dalam tahanan memberi impak yang ketara kepada kegagalan Majlis Sulh. Bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan jenayah, pihak defendan akan berada dalam tahanan sama ada dalam Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) atau tahanan mana-mana penjara di Malaysia. Status tahanan ini akan mempengaruhi perjalanan Majlis Sulh sama ada berjaya atau tidak dengan persetujuan bersama atau sebaliknya iaitu berstatus gagal atau tidak hadir. Hal ini kerana kehadiran pihak bapa atau pihak kena tuntutan hanya boleh dilakukan dengan kehadiran bersama pengawal pengiring yang terikat dengan operasi pematuhan standard yang khusus. Selain itu, pihak kena tuntutan atau bapa yang tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap ekoran dari tahanan terpaksa menyerahkan kadar tuntutan yang munasabah kepada hakim kerana tidak berkemampuan melaksanakan nafkah anak.

## **ii. Sikap Pihak-pihak Terlibat**

Sikap pihak-pihak yang terlibat turut menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan Majlis Sulh. Apabila salah satu pihak atau kedua-dua pihak berbincang secara emosi yang tidak terkawal atau wujud perasaan ingin membalas dendam, objektif sulh tidak dapat terlaksana dengan baik. Hal ini kerana pihak yang tidak terkawal emosinya akan bertindak di luar jangkaan seperti tidak mahu memberi kerjasama dengan pegawai sulh, tidak menyediakan dokumen-dokumen yang diminta dan sebagainya. Selain itu, sikap tidak tetap pendirian pihak-pihak juga boleh menyebabkan kata sepakat tidak dapat diputuskan. Sekiranya salah satu pihak atau kedua-dua pihak tidak berupaya untuk membuat sebarang keputusan, pegawai sulh akan sukar untuk membantu mereka keluar dalam perselisihan mereka. Begitu juga apabila satu pihak atau keduanya tidak mempunyai minat atau komitmen yang sebenar untuk menyelesaikan pertikaian yang sedang berlaku, pegawai sulh sukar untuk mencari jalan keluar bagi ketidakfahaman yang sedang berlaku. Seterusnya, sekiranya salah satu pihak atau keduanya tidak bersedia untuk menyelesaikan masalah atau sukar untuk membuat sebarang keputusan, proses sulh akan menjadi sukar dan jalan penyelesaian akan lambat diputuskan oleh pegawai sulh. Sikap tidak bertolak ansur antara pihak-pihak juga sedikit sebanyak memberi kesan negatif terhadap perjalanan sulh (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor).

### **iii. Kekurangan Promosi Mengenai Majlis Sulh**

Promosi dan galakan tentang perkhidmatan sulh perlu diperluaskan supaya orang awam memperoleh maklumat yang jelas dan tepat berkenaan bentuk penyelesaian pertikaian yang ada di mahkamah syariah sama ada secara sulh ataupun pendengaran kes dalam dewan perbicaraan. Promosi seperti ini juga dapat membantu masyarakat awam untuk memilih bentuk penyelesaian kes dengan lebih bijak. Sekiranya mereka memilih kes mereka diselesaikan dengan kaedah sulh, amat penting untuk mereka memahami kaedah-kaedah dan terma-terma yang akan dibincangkan dan dihasilkan melalui Majlis Sulh.

Masyarakat perlu mengetahui bahawa seksyen berkaitan sulh ini wujud dalam enakmen supaya kes mereka dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan pantas. Aktiviti promosi seharusnya dipergiatkan melalui media elektronik, media cetak dan juga media sosial. *Pamphlet* atau *brosur* penerangan berkaitan sulh dan kelebihanannya turut perlu diedarkan bersama-sama dengan notis sulh yang dihantar bagi memberikan kefahaman tentang proses perjalanan sulh itu sendiri dan menggalakkan pihak-pihak terlibat untuk hadir ke mahkamah bagi mendapatkan perkhidmatan sulh. Usaha untuk mempromosikan sulh perlu dibuat seiringan dengan penyediaan ruang maklum balas pelanggan mengenai perkhidmatan sulh yang telah disediakan oleh pihak mahkamah. Sebarang cadangan penambahbaikan daripada pelanggan perlu diambil berat dan boleh dijadikan maklumat berguna untuk perancangan pada masa akan datang supaya penyelesaian kes secara sulh boleh dinobatkan sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif yang terbaik kepada masyarakat.

### **iv. Kekurangan sumber manusia**

Apabila dilihat semula, pengkaji mendapati terdapat beberapa kekosongan bagi jawatan Pegawai Sulh di beberapa buah negeri seperti Negeri Sembilan, negeri Kedah dan sebagainya. Kapasiti jumlah kes yang didaftarkan apabila dibandingkan dengan jumlah Pegawai Sulh yang sedia ada di mahkamah syariah adalah tidak seimbang. Beban mengendalikan Majlis Sulh dengan jumlah kes yang tinggi memberi kesan kepada kadar tumpuan dan fokus Pegawai Sulh itu sendiri.

Ketidakcukupan sumber tenaga dan keletihan disebabkan bebanan tugas yang tinggi membuka ruang kepada berlakunya kesalahan dalam pelbagai aspek seperti pendaftaran kod kes, penyediaan catatan fail kes sulh dan lain-lain lagi. Hal ini menyebabkan kesukaran kepada Pegawai Sulh dan klien sewaktu kes hadhanah dan tuntutan nafkah khususnya untuk didengari dalam Majlis Sulh mahupun sewaktu persetujuan diendors di hadapan Hakim.

### **v. Kekurangan dari sudut fasiliti**

Pihak mahkamah syariah perlu bersedia dan menyediakan fasiliti serta peralatan yang sesuai bagi memastikan perjalanan Majlis Sulh berjalan dengan lancar. Ketidakcukupan peralatan termasuklah talian internet yang perlahan menyukarkan perjalanan Majlis Sulh secara atas talian dijalankan dengan lebih optimum. Keperluan Majlis Sulh secara atas talian sudah tidak dapat dinafikan lagi terutamanya selepas berlakunya pandemik beberapa tahun yang lalu.

Namun begitu, tidak semua negeri mengamalkan sulh secara atas talian tanpa memerlukan kehadiran pihak yang terbabit seperti negeri Terengganu, Kedah dan beberapa negeri yang lain. Sulh secara dalam talian merupakan inisiatif jabatan kehakiman negeri-negeri dalam memastikan akses kepada keadilan dapat diberikan kepada semua peringkat masyarakat seiring dengan kebiasaan baharu yang diamalkan pada masa kini. Tiada perubahan bagi prosedur sulh secara dalam talian berbanding proses sulh yang dijalankan di Kamar Sulh Mahkamah Syariah sendiri melainkan perbezaan mod perhubungan. Sesi sulh secara dalam talian boleh dijalankan dengan menggunakan medium komunikasi melalui aplikasi yang dipersetujui oleh Pegawai Sulh dan pihak-pihak seperti *Skype*, *Webex* atau *Zoom* (Ruzita et.al, 2020).

Namun begitu, tidak dapat dinafikan penyelesaian kes secara atas talian mempunyai kekurangannya yang tersendiri. Sebagai contohnya, golongan yang berlatar belakangkan ekonomi yang rendah akan mengalami kesukaran untuk menghadiri sesi sulh alam maya kerana kurang berkemampuan untuk melanggan internet berkelajuan tinggi. Tambahan lagi, jika golongan seperti ini menetap di kawasan luar bandar atau pedalaman yang liputan jalur lebarnya lemah, ia bakal menambahkan lagi kesulitan mereka untuk turut serta bersama-sama dalam Majlis Sulh secara alam maya (Muhamad Zahid et. al, 2021).

Bagi golongan seperti ini, pendapatan yang mereka perolehi lebih utama untuk membiayai sara hidup harian dan keperluan lain. Justeru, bagi mereka perundingan melalui sulh atas talian kurang sesuai dan relevan. Tambahan lagi, kebanyakan pelanggan yang terdiri daripada Penghutang Penghakiman tidak memberi kerjasama yang baik dan cuba untuk mengelakkan diri daripada perbincangan panggilan video. Keadaan ini menyebabkan sesi runding cara tidak berjaya dan kesannya menjejaskan pihak yang ditanggung nafkah tersebut (Mohd Hazwan & Jasni, 2022).

Selain itu, sistem E-Syariah (modul sulh) yang sedia ada dibangunkan adalah bertujuan untuk menyelaraskan pendaftaran kes dan mengelakkan daripada berlakunya pertindihan bebanan tugas pegawai sulh di mahkamah syariah. Pengagihan kes ke Majlis Sulh dibuat melalui sistem pendaftaran kes sulh secara sistematik. Melalui sistem E-Syariah juga, pegawai sulh boleh membuat siasatan dan menyemak apa-apa kes yang bersangkutan dengan kes sulh yang ditugaskan kepadanya secara dalam talian. Penggunaan sistem ini dalam pengurusan kes sulh dapat diselia oleh pihak pentadbiran dengan lebih sistematik (Ruzita et.al, 2020).

Di samping itu, penambahbaikan kemudahan infrastruktur bilik perundingan sulh turut memainkan peranan yang penting dalam menonjolkan imej profesional pegawai sulh. Bilik sulh sepatutnya mempunyai kemudahan yang lengkap bagi menjamin ciri-ciri keselamatan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan yang melalui proses sulh di mahkamah syariah (Mohd Hazwan & Jasni, 2022).

#### **vi. Kredibiliti Pegawai Sulh**

Bebanan tugas sampingan selain kerja hakiki sebagai pegawai sulh juga sedikit sebanyak mempengaruhi tumpuan pegawai dan tempoh masa perjalanan sulh. Hal ini merupakan cabaran

yang secara tidak langsung boleh mengganggu emosi Pegawai Sulh seterusnya kualiti perjalanan Majlis Sulh itu sendiri. Selain itu, kurangnya pendedahan latihan secara menyeluruh kepada Pegawai Sulh lantikan baru terutamanya ilmu ‘*softskill*’ dan ‘*subject matter*’ sesuatu kes sulh juga memberi kesan kepada praktis pengendalian Majlis Sulh (Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, 2023).

Peranan pegawai sulh penting bagi memastikan Majlis Sulh berjalan dengan sempurna. Kemahiran komunikasi dan kaunseling yang telah diperoleh dalam kursus latihan yang disusun oleh pihak JKSM dan negeri-negeri telah memberi nilai tambah kepada keupayaan pegawai sulh dalam mengendalikan Majlis Sulh yang berkesan. Pelaksanaan sulh perlu dikendalikan dengan sikap profesional dan penuh rasa tanggungjawab. Kemahiran dan kepakaran dalam menguruskan majlis perlu dipertingkatkan dengan ilmu kemahiran komunikasi, pengurusan konflik dan pemahaman undang-undang yang jitu. Kursus lanjutan yang bertaraf profesional perlu diperluaskan kepada pegawai syariah untuk kelayakan dan berkemahiran profesional.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kebanyakan pegawai syariah telah mengikuti kursus asas mediasi di bawah kendalian pihak yang telah ditauliahkan oleh badan profesional yang diiktiraf oleh pihak antarabangsa. Kursus dan bengkel secara teori dan praktikal khususnya kepada pegawai sulh yang baharu mampu menjadikan profesion ini dipertingkatkan menjadi pegawai berstatus profesional dan terlatih untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien. Justeru itu, siri pembentangan kerta kerja dan pendedahan mengenai kemahiran pengendalian sulh dan perundangan semasa oleh pegawai yang mempunyai banyak pengalaman perlu diadakan secara kerap dan berkala (Wan Azimin & Ahmad Hidayat, 2021).

## **KESIMPULAN**

Jelaslah di sini bahawa Majlis Sulh mempunyai banyak kelebihan dan merupakan kaedah alternatif untuk menyelesaikan pertelingkahan dan perselisihan faham khususnya dalam kes tuntutan nafkah anak. Antara kelebihannya ialah dapat menjimatkan masa dan kos sekaligus dapat meminimumkan lambakan kes tertunggak di mahkamah syariah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dan halangan yang menyebabkan Majlis Sulh sukar dilaksanakan dengan sempurna. Contohnya seperti pihak-pihak terlibat tidak hadir ke sesi sulh pada waktu yang ditetapkan, sikap pihak-pihak terlibat, kekurangan dari sudut fasiliti dan sumber manusia dan sebagainya.

Oleh itu, langkah-langkah proaktif perlu dilakukan untuk menjadikan Majlis Sulh ini disambut baik oleh masyarakat awam. Promosi tentang kelebihan dan proses-proses sulh perlu diperluaskan lebih lagi seperti mengedarkan *pamphlet* dan *brochure* serta mengadakan ceramah atau *talk* tentang Majlis Sulh. Di samping itu, Majlis Sulh secara atas talian perlu dilaksanakan di setiap negeri kerana ia memudahkan para pelanggan yang terlibat. Mereka ini sudah tidak perlu lagi hadir ke sesi sulh secara fizikal dek kerana kekangan-kekangan yang tidak dapat dielakkan. Selain itu, kursus dan latihan kepada Pegawai Sulh perlu dilakukan secara berkala bagi meningkatkan lagi kemahiran dan kompetensi mereka. Hal ini bagi meningkatkan lagi kredibiliti mereka sebagai Pegawai Sulh yang bertauliah dan berpengetahuan tinggi.

## **RUJUKAN**

Al-Quran

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah

Mohd Fuad Mohd Salleh & Jamilah Othman, *Peranan Pegawai Sulh dalam Penyelesaian Konflik dalam Mahkamah Syariah di Selangor*

Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2022, *Penyelesaian Pertikaian Alternatif Secara Runding Cara ke Atas Kes Tunggakan Nafkah di Era Pandemik Covid-19 di Mahkamah Syariah Pulau Pinang*, Journal of Muwafaqat, Vol. 5 (1): 01-16

Nurzakiah Ramlee & Nurul Hikmah Hidzam @ Muhd Bukhari, 2022, *Amalan Sulh Dalam Norma Baharu di Brunei dan Malaysia*, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 23(2): 54-67

Nur Zulfah Md Abdul Salam & Noor Shamimi Afikah Mohammad Fadli, 2022, *Pelaksanaan Sulh Norma Baharu di Mahkamah Syariah*, 6<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022)

Raihanah Azahari et.al, 2012, *Penentuan Kadar Kifayah dan Ma'ruf Nafkah Anak dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah*, Jurnal Syariah, Vol. 20 (2): 145-162

Ruzita Ramli et.al, 2020, *Kebiasaan Baharu (New Normal) Dalam Pelaksanaan Sulh Kes Hadhanah Dan Nafkah Anak: Isu Dan Cabaran*, INSLA E-Proceedings, Vol. 3 (1): 414 – 437

Shadli Sabarudin & Mohd Noor Daud, 2012, *Tuntutan Nafkah Anak Selepas Pembubaran Perkahwinan: Perbandingan Antara Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001 dengan Undang-undang Islam*, Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science

Sheikh Muhammad Al-Khatib Al-Shirbini, 2001, *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 3, Beirut: Dar al-Fikr

Siti Noraini Haji Mohd Ali & Zulkifli Hasan, 2008, *Perlaksanaan Sulh dan Keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor*

Wan Azimin Wan Adnan et.al, 2021, *Pemerkasaan Pelaksanaan Sulh Dalam Kes Tuntutan Hartanah Orang Islam Di Mahkamah Syariah Di Malaysia*, KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia, Vol. 33(1): 131-158

Zaini Nasohah, 2019, *Tuntutan Nafkah Anak di Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM

## **STATUT**

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998

Akta Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang 1985

Akta Undang-undang Keluarga (Wilayah Persekutuan) 1984